

Jawab semua soalan

1 (a) Firman Allah SWT:

قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِكُمْ سُنَنٌ فَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ
عَاقِبَةُ الْمُكَذِّبِينَ ﴿١٣٧﴾ هَذَا بَيَانٌ لِلنَّاسِ وَهُدًى وَمَوْعِظَةٌ لِّلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٨﴾
وَلَا تَهِنُوا وَلَا تَحْزَنُوا وَأَنْتُمْ الْأَعْلَوْنَ إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿١٣٩﴾

(Surah Ali Imran : 137 - 139)

Ayat di atas menerangkan tentang ciri-ciri mukmin berjaya. Memahami sunnat

Berdasarkan ayat di atas,

- (i) Nyatakan maksud sunatullah. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** konsep sunnatullah. [2 markah]

Semua kejadian di alam ini mengikut cara dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT.

- (iii) Mengapa kita perlu meyakini sunnatullah? [2 markah]
- (iv) Bagaimana anda mengaplikasikan pernyataan di atas dalam kehidupan. Huraikan. [4 markah]


(b) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا يَقُولُ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: كُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، الْإِمَامُ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِي أَهْلِهِ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالْمَرْأَةُ رَاعِيَّةٌ فِي بَيْتِ زَوْجِهَا وَمَسْئُولَةٌ عَنْ رَعِيَّتِهَا، وَالْخَادِمُ رَاعٍ فِي مَالِ سَيِّدِهِ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، قَالَ: وَحَسِبْتُ أَنْ قَدْ قَالَ: وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِي مَالِ أَبِيهِ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ - وَكُلُّكُمْ

(رواية البخاري)

Hadis di atas menjelaskan bahawa setiap orang ialah pemimpin.

- (i) Nyatakan **dua** individu yang dipertanggungjawabkan selain pemimpin dan suami. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** kesan tanggungjawab suami. [2 markah]



- (iii) Berdasarkan gambar di atas, bagaimana untuk menjadi pemimpin yang adil. Huraikan. [4 markah]

- (c) Nyatakan hukum bagi kalimah mad lazim di bawah: [2 markah]

(i) عَالَمَنَ

(ii) قُلْ أَتُحَاجُّونَنَا



- 2 (a) (i) Nyatakan maksud nama Allah SWT al-Muntaqim. [2 markah]

Beriman dengan nama Allah al-Muntaqim membentuk keperibadian mulia.

- (ii) Kemukakan hujah anda untuk menyokong pernyataan di atas. [4 markah]

- (b) (i) Nyatakan perkara yang membatalkan iman selain iktikad al-Uluhiyyah. [2 markah]

- (ii) Jelaskan contoh perkara yang membatalkan iman dalam aspek iktikad al-Uluhiyyah. [2 markah]

- (c) (i) Nyatakan maksud ajaran sesat. [2 markah]

- (ii) Terangkan **dua** cara menghindari ajaran sesat. [4 markah]

- (d) Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah merupakan pegangan bagi majoriti umat Islam di Malaysia.


- (i) Nyatakan takrif Ahli Sunnah Wal Jamaah. [2 markah]

- (ii) Jelaskan prinsip Ahli Sunnah Wal Jamaah. [2 markah]

- 3 (a) (i) Senaraikan **dua** rukun akad dalam muamalat Islam. [2 markah]
(ii) Jelaskan contoh akad jual beli dalam muamalat Islam. [2 markah]

Encik Ali hendak membeli sebuah kereta untuk kegunaan syarikat tempat dia bekerja.

- (iii) Cadangkan bagaimana beliau dapat membelinya dengan kaedah berlandaskan hukum syarak. [4 markah]
- (b) (i) Apakah maksud fasakh ? [2 markah]
(ii) Jelaskan **dua** kesan fasakh kepada suami isteri. [4 markah]
- (c) (i) Apakah maksud diyat dalam hukuman qisas. [2 markah]



Sumber : *Buletin TV3*, 22 Disember 2022

- (iii) Mengapakah situasi di atas berlaku? Huraikan pandangan anda. [4 markah]

- 4 (a) (i) Nyatakan **dua** ciri kepimpinan khulafa al-Rashidin. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** faktor kegemilangan kerajaan Uthmaniyyah dari aspek sosial. [4 markah]

- (b) (i) Nyatakan riwayat hidup Imam al-Syafii. [3 markah]

Ketika berguru dengan Imam Malik, Imam al-Syafii telah membacakan keseluruhan kitab al- Muwattak sehingga khatam tanpa melihat kepada teks kitab tersebut. Beliau bertanya banyak persoalan agama kepada Imam Malik sehingga Imam Malik mengatakan kepadanya: "Kamu ini seolah-olah mahu menjadi kadi."

Sumber ubah suai : *BH Online*, Julai 19 2017

- (ii) Bagaimana anda mengamalkan sikap tersebut? Huraikan. [4 markah]


- (c) (i) Nyatakan secara ringkas riwayat hidup Ahmad bin Ibrahim. [3 markah]
- (ii) Terangkan **dua** iktibar daripada ketokohan beliau. [4 markah]

- (a) (i) Nyatakan maksud *khauf*. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** contoh *khauf* dan *raja'* yang diamalkan oleh Rasulullah SAW. [4 markah]

Sifat *khauf* dan *raja'* melahirkan muslim sejati

- (iii) Sokong pernyataan di atas dengan mengemukakan hujah anda. [4 markah]

- (b) (i) Apakah maksud alam sekitar? [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** hikmah beradab terhadap alam sekitar. [4 markah]



Sumber ubah suai : *Jabatan Alam Sekitar, 2022*

- (iii) Huraikan akibat sekiranya umat Islam tidak peka dengan pernyataan di atas. [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT